

PEMBINAAN MODUL PENDEKATAN PERANCANGAN PENGAJARAN
BERKESAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU TINGKATAN 1

ASPALILLA BTE MAIN

Tesis ini dikemukakan
Sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2003

Untuk keluarga dan rakan-rakan,
Dorongan dan kritikan meletakkan diri di tahap ini.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Salawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia projek En. Md Akbal Bin Abdullah di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin projek ini akan berjaya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga buat En Bais bin Otto, guru Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu yang lain, pelajar-pelajar dan pihak yang terlibat membantu dalam merealisasikan dan menjayakan projek ini. Segala kerjasama dan jasa kalian amat berharga.

Akhir sekali, penghormatan buat rakan-rakan seperjuangan di atas dorongan, nasihat dan kritikan di dalam menyiapkan kajian ini.

Semoga projek ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua, InsyaAllah.

ABSTRAK

Modul Pendekatan Perancangan Pengajaran Berkesan Kemahiran Hidup Tingkatan 1 merupakan satu media pengajaran yang dibentuk untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini adalah dibentuk untuk menilai sejauh mana modul ini dapat membantu guru dalam meningkatkan tahap minat, kefahaman, kemahiran dan kekreatifan pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1. Responden kajian ini adalah terdiri daripada 36 orang pelajar tingkatan 1 kursus EK bertahap sederhana di Sekolah Menengah Tun Ismail, Parit Raja Batu Pahat Johor. Untuk kajian ini, instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik di mana penilaian dilakukan berdasarkan kepada persepsi responden terhadap pengajaran guru, sesi temubual dan juga pemerhatian. Data-data yang dikumpul dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) Version 11.0 yang melibatkan skor min. Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi tahap minat pelajar (skor min=3.9906), tahap kefahaman pelajar (skor min =3.8889), tahap kemahiran pelajar (skor min=3.9120) dan tahap kreativiti pelajar (skor min=4.0972) adalah tinggi. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa Modul Pendekatan Perancangan Pengajaran Berkesan Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1 ini boleh membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji mencadangkan agar modul ini dapat dimurnikan ke dalam bentuk web untuk memudahkan para pengguna memperolehi maklumat.

ABSTRACT

Planning Teaching Module Approach is a teaching media which was developed to enhance teaching and learning process. This study attempted to evaluate the effectiveness of this module in the aspect of helping teachers to increase the level of interest, understand, skill and creativeness among students in Kemahiran Hidup Bersepadu Form 1. Respondents for this study consist 36 students of moderate level which were from Form 1 EK (ERT / KMT), Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Parit Raja Batu Pahat. This module was evaluated using the observation and also gained from interview session with several teachers. Other than that, the data also gained by using questionnaires which was based on the perception of respondents towards the learning and teaching process conducted by the teachers who was using this module. The data collected were analyzed by using 'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS) Version 11.0 which were represented by mean scores. The findings showed that in term of interest, understand, skill and creative were at a high level. The findings revealed that this module could help teachers in teaching and learning process.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi



BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Kerangka Teori	8
1.8	Skop Kajian	9
1.9	Definisi Istilah	9

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Perlaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Peringkat Sekolah Menengah Rendah di Malaysia	13
2.3	Kajian-kajian Lepas Berkaitan dengan Aspek Minat, Faham, Mahir dan Kreatif	14
2.3.1	Sorotan Kajian Berdasarkan kepada Minat Pelajar	15
2.3.2	Sorotan Kajian Berdasarkan kepada Kefahaman Pelajar	16
2.3.3	Sorotan Kajian Berdasarkan kepada Kemahiran Pelajar	19
2.3.4	Sorotan Kajian Berdasarkan kepada Kreativiti Pelajar	22
2.4	Perancangan Pengajaran	25
2.4.1	Perancangan untuk Pengajaran	26

2.4.2	Format Perancangan Persediaan Mengajar	29
2.4.2.1	Aspek-aspek Dalam Format Persediaan Mengajar	30

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi	33
3.4	Persampelan	34
3.5	Instrumen Kajian	34
3.5.1	Soal Selidik	35
3.5.2	Pemerhatian	36
3.5.3	Temubual	37
3.6	Analisis Data	38
3.7	Kajian Rintis	38
3.8	Batasan Kajian	39

BAB IV REKABENTUK PRODUK

4.1	Pengenalan	40
4.2	Latarbelakang Teori Menghasilkan Produk	40
4.3	Rekabentuk Produk	41
4.3.1	Bentuk dan Ciri-ciri Produk	42
4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	43
4.3.3	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	44

4.3.4	Bahan, Kos dan Masa	45
	4.3.4.1 Bahan	45
	4.3.4.2 Masa	46
	4.3.4.3 Kos	46
4.3.5	Dokumentasi Produk	46
4.4	Penilaian Produk	47
	4.4.1 Pemilihan dan Pembinaan Instrumen	47
	4.4.2 Subjek dan Sampel Untuk Menilai Produk	48
	4.4.3 Fokus Penilaian Produk	48
4.5	Cadangan Penambahbaikan Produk	49

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	50
5.2	Analisis Data Menggunakan Kaedah Temubual	51
5.3	Analisis Data Menggunakan Kaedah Pemerhatian	52
5.4	Analisis Data Menggunakan Instrumen Soal Selidik	54
	5.4.1 Persoalan Kajian 1	55
	5.4.2 Persoalan Kajian 2	57
	5.4.3 Persoalan Kajian 3	59
	5.4.4 Persoalan Kajian 4	62
5.6	Rumusan Analisis Data	64

BAB VI KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	65
6.2	Perbincangan dan Kesimpulan	66
6.2.1	Tahap Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	66
6.2.2	Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	68
6.2.3	Tahap Mahir Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	69
6.2.4	Tahap Kreativiti Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	70
6.3	Cadangan	71
6.3.1	Cadangan untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail dan Sekolah Menengah Lain	71
6.3.2	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	72
6.4	Rumusan	73
6.5	Penutup	74

SENARAI RUJUKAN

76

LAMPIRAN A	80
LAMPIRAN B	83
LAMPIRAN C	85
LAMPIRAN D	93
LAMPIRAN E	97
LAMPIRAN F	99
LAMPIRAN G	102
LAMPIRAN H	104
LAMPIRAN I	105
LAMPIRAN J	106



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Komponen Kandungan Kemahiran Hidup Bersepadu	14
3.1	Pemarkahan item-item skala likert	36
5.1	Temubual Berstruktur Keperluan Modul Perancangan Pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	51
5.2	Skor Markah Skala Likert	54
5.3	Tahap Minat Pelajar Terhadap Sesuatu Tajuk dalam Sesi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	56
5.4	Skor Min dan Tahap Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	57
5.5	Tahap Kefahaman Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	58
5.6	Skor Min dan Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	59
5.7	Tahap Kemahiran Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	60
5.8	Skor Min dan Tahap Kemahiran Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	61
5.9	Tahap Kreatif Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	62
5.10	Skor Min dan Tahap Kreatif Pelajar dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu	63

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	8
2.1	Aspek-aspek dalam Persediaan Mengajar	31
4.2	Kronologi Pembinaan Produk	43



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	80
B	Borang Temubual	83
C	Borang Penilaian	85
D	Analisis Kebolehpercayaan Pilot Test	93
E	Analisis Min Pilot Test	97
F	Analisis Data Min	99
G	Analisis Data Kebolehpercayaan	102
H	Surat Kebenaran 1	104
I	Surat Kebenaran 2	105
J	Modul Pendekatan Perancangan Pengajaran Berkesan Kemahiran Hidup Bersepadu	106

SENARAI SINGKATAN

KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
ABBM	-	Alat dan bahan bantu mengajar
SMKTI	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dunia sentiasa berubah dan perubahan tersebut berlaku terlalu pantas. Ilmu, kemahiran dan maklumat berkembang berlipat ganda dalam masa yang singkat. Perkembangan sebegini juga berlaku di negara kita dan perkembangan tersebut telah berjaya menghasilkan produk yang lebih baik dan berkualiti.

Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Dr, Mahathir Mohamed telah mengisytiharkan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian penuh pada tahun 2020, sembilan cabaran telah dikemukakan. Antaranya ialah mempertingkatkan usaha dalam bidang sains dan teknologi supaya kita tidak hanya menjadi pengguna teknologi tetapi sebagai penyumbang kepada dunia teknologi. Bidang reka cipta merupakan salah satu bidang yang mampu memenuhi cabaran tersebut.

Justeru itu, sudah sewajarnya Kementerian Pendidikan menyediakan rancangan-rancangan yang konkrit, khususnya kurikulum pendidikan untuk menjayakan hasrat Falsafah Pendidikan Negara, pembangunan Sumber Manusia dan juga Wawasan 2020 (Dr Wan Zahid, 1993).

Oleh yang demikian, penumpuan dalam kurikulum yang menekankan pendidikan teknik dan vokasional melalui matapelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah dan di sekolah menengah rendah dan kumpulan Elektif Vokasional dan Teknologi di sekolah menengah atas merupakan antara reformasi pendidikan yang menyumbang ke arah melahirkan pelajar yang berkemahiran (Shah Nizam, *et.al*, 1998).

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran amali yang ditawarkan di sekolah rendah (Tahun 4 - 6) dan menengah rendah (Tingkatan 1-3). Mata pelajaran ini ditawarkan dengan tujuan memupuk celik teknologi, kesedaran ekonomi dan pengurusan diri kepada pelajar-pelajar. Kemahiran yang dibekal merupakan aktiviti yang berguna dalam kehidupan sehari-hari seperti membuka pasang, menyenggara, membaiki kerosakan kecil, mengusahaniagakan barang, menanam, menternak, memasak, menjahit dan mengurus diri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam pengajian berasaskan kepada teknik dan vokasional, adalah sesuai sekali jika program akademik tersebut dapat digabungkan antara mata pelajaran teori yang diajar di bilik-bilik kuliah dengan pendedahan pembelajaran praktik (Bibi, 2002).

Mata pelajaran Kemahiran Hidup mula diperkenalkan pada 1989 melalui program peralihan. Pada tahun 1991 pula, matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu

mula dilaksanakan ((Shah Nizam, *et.al*, 1998). Namun begitu, pada ketika itu, mata pelajaran Kemahiran Hidup hanya ditawarkan pada peringkat sekolah menengah sahaja.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kini banyak mengalami perubahan, sama ada dari segi konsep ataupun perkembangan isi kandungannya. Bermula tahun 1993 ja mula ditawarkan kepada pelajar sekolah rendah. Mata pelajaran ini sudah ditawarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah iaitu Tahun 4,5 , 6 dan kepada pelajar-pelajar di Tingkatan 1, 2 dan 3 sekolah menengah rendah. Perubahan ini dilihat sangat positif kerana berupaya mendedahkan konsep kemahiran sejak dari awal lagi.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Rendah terbahagi kepada dua bahagian itu teras dan juga pilihan. Bahagian teras, meliputi Kemahiran Manipulatif, Perdagangan & Keusahawanan, Kekeluargaan dan Reka Cipta. Bahagian pilihan pula, ia meliputi Kemahiran Manipulatif Tambahan, Ekonomi Rumah Tangga atau Pertanian (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).

Sebagai mata pelajaran amali, Kemahiran Hidup diajar secara tunjuk ajar, kerja-buat sendiri, sesi kreativiti dan kritik, kajian dan rujukan serta kerja projek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Ia memberi penekanan kepada hubungan dan interaksi antara guru, pelajar, objektif pelajaran dan kandungan yang berlatarkan kepada pengetahuan dalam satu suasana pembelajaran yang positif dan kondusif.

Namun begitu, untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan mampu menguasai bidang reka cipta dan teknologi, sukatan dan modul pengajarannya mestilah mampu untuk menarik minat pelajar terhadap bidang ini. Pembelajaran yang berkualiti sebenarnya bergantung kepada kebolehan pendidik menggunakan pendekatan pengajaran yang dapat memenuhi kehendak, minat serta kebolehan pelajar agar proses pengajaran ini dapat menepati objektifnya.

Satu kajian terhadap perkembangan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah menengah telah dijalankan oleh Shah Nizam, *et.al* (1998). Beliau mendapati bahawa masih terdapat beberapa masalah dalam pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang masih perlu untuk diselesaikan seperti kelemahan dalam

penyelenggaraan bengkel amali, beban tugas mengajar yang berlebihan oleh guru-guru KHB serta masalah pemilihan jurusan pelajar di tingkatan 1 yang boleh menyebabkan timbulnya beberapa masalah terutama terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji ingin menghasilkan satu modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan bagi guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu sekolah menengah rendah sebagai tambahan kepada alat dan bahan bantu mengajar (ABBM) yang telah sedia ada.

1.3 Penyataan Masalah

Negara kita sedang menuju ke era perindustrian dan teknologi maklumat. Setiap rakyat perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam era teknologi yang canggih dan sentiasa berubah (Shah Nizam, *et.al*, 1998).

Untuk itu, matapelajaran Kemahiran Hidup telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah rendah supaya mereka berkenalan dengan asas-asas kemahiran dan pengetahuan bercorak saintifik dan teknologi. Namun begitu, matapelajaran ini dilihat sebagai satu matapelajaran bukan pilihan dan pelajar-pelajar yang mengambilnya hanya menganggap ia sekadar satu matapelajaran wajib. Ini kerana, pelajar yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu ini tidak diterapkan dengan kemahiran-kemahiran yang sewajarnya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, masalah ini mungkin akan menjejaskan objektif sebenar kerajaan mengenalkan matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kepada pelajar-pelajar sekolah menengah rendah.

Untuk memperolehi produk yang berkesan secara keseluruhannya pelaksanaan Kemahiran Hidup Bersepadu, pencapaian dari pelajar perlu dinilai dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sejak mempelajari KHB dari tingkatan 1 hingga ke tingkatan 3. Setakat ini tidak diketahui sama ada pelajar-pelajar berjaya diberi pendedahan yang berkesan sama ada dari aspek pengetahuan dan kemahiran (Azizi, 1998).

Oleh yang demikian, kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui sama ada modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan Kemahiran Hidup Bersepadu yang dihasilkan oleh pengkaji dan diaplikasikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 ini dapat meningkatkan minat dan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di samping meningkatkan kemahiran dan mampu melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mengkaji dan menilai modul pengajaran ini, beberapa persoalan kajian telah timbul seperti berikut:

1. Sejauh manakah modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan ini berjaya menarik minat pelajar-pelajar menengah rendah terhadap matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?
2. Sejauh manakah modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan ini berjaya membantu pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman mengenai konsep-konsep dalam Kemahiran Hidup Bersepadu?
3. Sejauh manakah modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar?

4. Sejauh manakah modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan ini membantu melahirkan pelajar yang kreatif?

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menghasilkan satu modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tingkatan 1 bagi guru-guru Kemahiran Hidup sekolah menengah rendah. Selain itu, objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Menimbulkan minat terhadap matapelajaran Kemahiran Hidup di kalangan pelajar-pelajar peringkat rendah.
2. Memberi kefahaman lebih mendalam terhadap satu-satu konsep dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu .
3. Mempertingkatkan kemahiran pelajar terhadap satu-satu konsep/ kemahiran dalam matapelajaran ini.
4. Melahirkan pelajar yang lebih mahir dan kreatif.



1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidik berharap hasil dapatan kajian yang dijalankan ini dapat membantu pihak-pihak berikut :

1. Penyelidik

Penyelidik dapat menambahkan/mendalami ilmu dalam menghasilkan modul pengajaran.

2. Guru

Memberi panduan kepada pihak Guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dengan modul perancangan pengajaran yang baru. Selain itu juga, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu Alat Bahan Bantu Mengajar yang baru untuk sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.


3. Pelajar

Dapatan kajian ini diharapkan memberi manfaat yang besar kepada pelajar khususnya bagi mereka yang akan menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Selain itu, modul ini juga diharap dapat membantu pelajar lebih memahami konsep-konsep asas dalam Kemahiran Hidup Bersepadu. Di samping itu, modul ini diharap dapat melahirkan pelajar yang lebih berkemahiran dan lebih kreatif.



1.7 Kerangka Teori

Pengkaji menghasilkan satu modul pendekatan perancangan pengajaran yang berkesan bagi kegunaan guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Menengah Rendah. Modul yang akan dihasilkan ini akan menekankan aspek minat, faham, mahir dan kreatif pelajar. Modul ini kemudiannya digunakan dan diaplikasikan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1.



Rajah 1.1 Kerangka Teori

1.8 Skop Kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji membangunkan satu modul pendekatan perancangan pengajaran berkesan untuk guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1. Sebelum menghasilkan perancangan pengajaran tersebut, pengkaji telah menjalankan temubual dan rujukan terlebih dahulu untuk mendapatkan fakta tentang keperluan yang diperlukan bagi pelajar- pelajar Tingkatan 1 ini.

Modul Pendekatan Perancangan Pengajaran Berkesan Kemahiran Hidup Bersepadu ini hanya akan meliputi satu tajuk iaitu subtopik Kegunaan Tenaga dalam Bab Elektrik Tingkatan 1.

1.9 Definisi Istilah

Pembinaan

Pembinaan di sini adalah merujuk kepada penghasilan satu pakej perancangan pengajaran untuk guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1 yang meliputi perancangan pengajaran, nota pelajar serta alat dan bahan bantu mengajar (ABBM) yang lain.

Modul

Modul di sini adalah merujuk kepada satu pakej rancangan pengajaran untuk guru-guru Kemahiran Hidup yang mengandungi Tajuk Kegunaan Tenaga dalam kurikulum Tingkatan 1.

SENARAI RUJUKAN

Arends, R.I(1998). "Learning To Teach". Mc Graw Hill

Azizan Abdullah (1999). "Cabaran yang Dihadapi Guru-guru Sekolah Rendah Kawasan Masjid Tanah Dalam Pelaksanaan Matapelajaran Kemahiran Hidup". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.

Azizi (1998). "Keberkesanan Program Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah di Malaysia". Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.

Baharuddin Aris, *et.al*(2001). "Rekabentuk Perisian Multimedia". Skudai: Muapakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd.

Bibi Sara Salleh (2002). "Keberkesanan Latihan Industri di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda (KUiTTHO)". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.

Blythe T & Associates (1998). "The Teaching For Understanding Guide". San Francisco: Jossey-Bass Publisher.

Burden, P.R & Byrd, D.M (1999). "Methods For Effective Teaching". Allyn and Bacon.

Chan, Siew Lean (1991). "Kajian Mengenai Sikap dan Minat Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan"Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Dewan Bahasa dan Pustaka(1996). Kamus Dewan.

G.N Low, *et.al* (1991). "Ulangkaji Kemahiran Hidup KBSM SRP".Petaling Jaya: Delta.

Hamimah Othman (2000). "Minat Pelajar Perempuan Terhadap Komponen Kemahiran Manipulatif, Kemahiran Hidup Bersepadu-Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Johor Bharu". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Kauchak, D. P & Eggen, P. D (1998). "Learning and Teaching Research-Based Methods". Allyn and Bacon.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). "Huraian Sukatan Tingkatan 2 Kemahiran Hidup Bersepadu". Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). "Huraian Sukatan Tingkatan 1-3 Kemahiran Hidup Bersepadu". Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1989). "Draf Kemahiran Hidup-Program Peralihan". Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Mohd Majid Konteng (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) . "Penyelidikan Pendidikan". Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Yaakob Khalid, *et.al* (2001). “Kemahiran Hidup Bersepadu Teras dan Elektif”. Kuala Lumpur: Cerdik Publications.
- Noor Suriani Nazrudin (2000). “Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukaneka, Satu Tinjauan di ITTHO”. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana.
- Normah Shari (1998). “Kemahiran Pengajaran Guru Dalam Matapelajaran Kemahiran Hidup”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Omar Saidin (1995). “Tanggapan Pelajar Perempuan Terhadap Kerja Amali Mata Pelajaran Kemahiran Hidup, Satu Tinjauan”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Petkus, Y (2002). “Creative Student Workshop”. Western Kentucky University: Center For Teaching and Learning,
- Rahil Mahyuddin, *et.al* (1997). “Pedagogi 2 Pelaksanaan Pengajaran”. Selangor : Logman Malaysia Sdn Bhd.
- Ramlah Omar(1990). “Pendidikan Untuk Kecemerlangan Alaf Baru”. Seminar Kebangsaan Pendidikan
- Rohaidah Daud (1997). “Sikap dan Minat Pelajar Terhadap Komponen Perdagangan dan Keusahawanan Kemahiran Hidup di 4 Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bharu-Satu Tinjauan”. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Rohaty Mahat(2002). “Guru Berkualiti Aspirasi Negara”. Berita Harian, 16 Mei 2002

Shah Nizam, *et.al* (1998). "Kajian Kes Terhadap Perkembangan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail, Parit Raja Batu Pahat, Johor". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: , Projek Sarjana.

Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. Dr. (1993). "Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian". Kuala Lumpur : Nurin Enterprise

Wan Romeli Wan Mahamud. "Sejauh manakah Pengusaan Kemahiran-kemahiran Psikomotor Kurikulum KHB (Elemen Kerja Kayu) di kalangan Pelajar Perempuan di 4 Buah Sekolah Menengah Akademik Bantuan Penuh Kerajaan Kemaman". Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.

www.dictionary.com

_____ (1991). "Kemahiran Hidup Bersepadu Teras Tingkatan 1".Kuala Lumpur: Penerbit Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, AMK Prints, Nurin Enterprise, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Marwilis Publishers & Distributors.



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH